

03 JAN 2003

Rais-Selak

RAIS BANTU PERKUKUH RAYUAN KES 'SELAK KAIN'

SIMPANG PERTANG, 3 Jan (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim akan mengemukakan pandangannya kepada pendakwa raya untuk memperkukuhkan hujah dalam rayuan terhadap keputusan Mahkamah Majistret yang membebaskan seorang lelaki daripada tuduhan menyelak kain dan menunjukkan kemaluannya kepada seorang anggota Puteri Umno dalam satu pilihan raya kecil di Kedah pada Julai tahun lepas.

"Saya akan cuba mengemukakan kepadanya (pendakwa) aspek perundangan yang berkemungkinan pihak yang mendakwa itu telah tidak dapat menimbulkan atau mahkamah alpa terhadap sesuatu bukti," katanya kepada pemberita selepas meraikan dan menyampaikan sumbangan kepada bakal haji dari kawasan Parlimen Jelebu di sini hari ini. Beliau adalah Anggota Parlimen kawasan itu.

Khamis lepas, Majistret Alor Star, Mohd Redzuan Abdullah membebaskan penyelia Pas Gua Musang, Abdul Razak Abas, 52, tanpa dipanggil membela diri terhadap tuduhan berkenaan dengan alasan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh.

Diminta mengulas keputusan mahkamah itu, Rais berkata pendapat majistret bahawa kain sarung yang dipakai oleh Abdul Razak semasa kejadian perlu diperolehi adalah suatu pendapat kehakiman yang "amat ganjil".

"Sama ada kain sarung itu diperlihatkan atau tidak, tidak menjadi masalah. Yang penting ialah supaya ada pihak yang melihat suspek itu menyelakkan kainnya, tidak perlu bagi mana-mana pihak mendapatkan kain sarung yang dipakai oleh pihak berkenaan," katanya.

Mengenai kenyataan Timbalan Pengerusi DAP Karpal Singh bahawa adalah salah bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat ulasan berkaitan keputusan mahkamah itu, Rais berkata seseorang itu berhak mengeluarkan pendapat terhadap mana-mana penghakiman.

"Perdana Menteri tidak mencerca proses perbicaraan. Beliau hanya menzahirkan pandangannya yang merujuk kepada keadaan perbicaraan kes tersebut," katanya.

Rais berkata semua pihak berhak membuat komen terhadap perkara yang tak adil dan sekiranya jelas perkara itu tidak adil, ia mesti disuarakan bagi meletakkannya pada tahap keadilan sebenar.

"Dalam setiap kes yang dikemukakan, menang atau kalah menjadi perkara biasa, tetapi yang menjadi perkara utama, kaedah dan cara untuk menegakkan keadilan mesti betul," katanya.

Rais turut mengingatkan semua pihak tidak menggunakan isu itu untuk tujuan kepentingan politik.

-- BERNAMA

APG MAI